

16 NOV 2000

M'SIA BOLEH JADI PUSAT SERANTAU EDAR BARANGAN RUSIA, KATA MAHATHIR

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarakan supaya Rusia menggunakan Malaysia sebagai pusat untuk mengedarkan barangannya di rantau ini.

Pendapat itu disuarakan Perdana Menteri dalam pertemuan dua-hala dengan Presiden Rusia Vladimir Putin pada akhir sidang kemuncak dua hari pemimpin-pemimpin ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di sini petang ini.

Dr Mahathir, yang berkata kepada wartawan Malaysia di sini berkata, pertemuan dua hala dengan Putin itu bertujuan untuk meningkatkan perdagangan dan kerjasama dalam bidang teknologi.

"Rusia banyak mempunyai teknologi berkenaan pesawat, satelit, komunikasi, kalau ada kerjasama, kita juga dapat akses kepada teknologi," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia kini menyediakan perkhidmatan ubahsuai pesawat, seperti helikopter, dengan kerjasama daripada Rusia.

Dr Mahathir berada di sini sejak Selasa lepas bagi menghadiri sidang kemuncak kelapan pemimpin-pemimpin Apec yang berakhir hari ini.

Beliau berlepas pulang ke Malaysia malam ini.

-- BERNAMA

AFY ZS RI